

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN HEE LOY SIAN**  
**KAWASAN : PETALING JAYA SELATAN**  
**TARIKH : 10 JUN 2015, RABU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:-**

- (a) rasional Kerajaan meluluskan lanjutan kutipan tol selama 20 tahun di Lebuhraya Persekutuan Plaza Tol Batu Tiga dan Sungai Rasau sehingga tahun 2038 yang sepatutnya tamat kutipan pada tahun 2018; dan
- (b) adakah lanjutan ini akan diguna pakai untuk lebuhraya-lebuhraya lain memandangkan Kerajaan tidak membenarkan kenaikan kadar tol.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Lebuhraya Persekutuan 2 (merangkumi Plaza Tol Batu Tiga dan Sungai Rasau) ialah merupakan antara lebuhraya di bawah kendalian syarikat konsesi lebuhraya PLUS Malaysia Berhad.

Berdasarkan perjanjian konsesi asal, konsesi Lebuhraya PLUS (termasuk di Lebuhraya Persekutuan 2) sepatutnya akan tamat pada tahun 2018. Walau bagaimanapun berikutan usaha mengurangkan kesan kenaikan tol kepada orang awam, Kerajaan telah beberapa kali menstrukturkan semula kadar tol PLUS, iaitu pada tahun 1999, 2002 dan 2011. Di bawah penstrukturkan PLUS yang terkini iaitu pada tahun 2011, semua konsesi tol lebuhraya di bawah syarikat PLUS Malaysia Berhad telah diselaraskan di mana ia akan berakhir pada 31 Disember 2038.

Penstrukturkan semula itu dibuat untuk memastikan kadar tol yang lebih rendah dapat dinikmati oleh pengguna berbanding kadar tol mengikut perjanjian asal. Sebagai contoh mengikut perjanjian konsesi asal PLUS, kadar tol yang dikenakan di Plaza Tol Batu Tiga untuk tahun 2015 sepatutnya ialah RM2.40 berbanding kadar semasa RM1.10, iaitu kekal sejak dari tahun 2005 lagi.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan daripada semasa ke semasa sentiasa berunding dengan syarikat-syarikat konsesi bagi memastikan kadar tol yang dikenakan kepada pengguna tidak membebankan pengguna. Rundingan tersebut dibuat berasaskan 'case by case basis'. Oleh itu sebarang cadangan untuk mengurangkan atau menstrukturkan semula kadar tol termasuk pemberian tempoh lanjutan konsesi tol memerlukan persetujuan kedua-dua pihak, iaitu Kerajaan dan juga syarikat konsesi.

Sekian. Terima kasih.